



Pelaksanaan Kokurikulum Berkredit Pengakap Kelanasiswa (KLKM) ke Arah Penganugerahan Anugerah Baden-Powell (BPA) di Politeknik Malaysia

Yusni Bin Mohamad Yusak
Politeknik Port Dickson
yusni@polipd.edu.my

Abstrak: Anugerah Baden-Powell (BPA) merupakan pengiktirafan tertinggi yang dianugerahkan kepada seorang ahli Pengakap Kelana. Pencapaian tersebut merupakan kemuncak kepada usaha berterusan seorang ahli Pengakap Kelana dalam dunia kepengakapan melewati umur remaja ke arah membentuk jati diri dan personaliti sebelum menjadi seorang pemimpin. Pelaksanaan kokurikulum bercredit Pengakap Kelanasiswa (KLKM) di Politeknik Malaysia dirancang dengan teratur, sistematik dan memberikan impak melahirkan seorang Kelana yang mencapai BPA dan diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui kepengakapan. Penjajaran kandungan kokurikulum bercredit Pengakap Kelanasiswa dengan kandungan Skim Latihan Pengakap Kelana telah memungkinkan Anugerah BPA dapat dicapai pelajar dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Kata kunci: Pengakap Kelanasiswa, KLKM, Anugerah Baden-Powell

1.0 PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Tinggi merupakan sebuah organisasi yang bertindak mengawasi dan memantau perjalanan IPTA dan IPTS. Visi, misi dan matlamat yang jelas bagi setiap institusi ini digariskan bagi memenuhi aspirasi dan dasar negara. Pelbagai langkah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, perluasan inovasi, pelaksanaan kajian dan usaha pemupukan nilai patriotisme di kalangan graduan dilaksanakan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Pembinaan sahsiah pelajar digarap bukan hanya melalui pencernaan ilmu akliah dan penjanaan kognitif semata-mata tetapi digarap bersama melalui keperluan fizikal dan penawaran kursus-kursus kokurikulum. Keperluan kokurikulum di dalam sistem pendidikan negara adalah selari dengan apa yang digarap di dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) Fasa 2. (KPTM 2007)

KPM melalui Sektor Pendidikan Tinggi (SPT) menterjemahkan hasrat dasar PSPTN Fasa 2 dengan memperkenalkan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) untuk dilaksanakan di semua institusi pendidikan di bawah SPT. Pengajian umum mencakupi empat kumpulan iaitu;

1. U1: Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah,
2. U2: Penguasaan kemahiran insaniah,
3. U3: Perluasan ilmu pengetahuan bercirikan kemalaysiaan,
4. U4: Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat, ko-kurikulum.

Mata Pelajaran Pengajian Umum adalah berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. Ini akan membolehkan pelajar daripada disiplin dalam bidang kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial untuk menguasai kursus-kursus Pengajian Umum bagi melahirkan pelajar yang holistik dan memenuhi keperluan pasaran kerja. (KPT 2016)



2.0 OBJEKTIF

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji pelaksanaan kokurikulum bercredit kelanasiswa di politeknik Malaysia yang menjurus kepada pencapaian Anugerah Baden-Powell kepada para pelajar. Bagi mencapai tujuan tersebut, terdapat beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

1. Menenal pasti latar belakang penawaran kokurikulum bercredit di politeknik.
2. Menenal pasti matlamat kurikulum bercredit di politeknik.
3. Menenal pasti kandungan kokurikulum bercredit pengakap kelanasiswa kearah Anugerah Baden-Powell di politeknik.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kokurikulum menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kegiatan kokurikulum ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Dalam Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997, Jld. 41, No. 26, Tambahan No. 94, Perundangan A.P.U. (A) 531, Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) telah memberi takrif Kokurikulum iaitu kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan akan mengandungi yang berikut: 1. Penyertaan dalam sukan dan permainan 2. Penyertaan dalam persatuan dan kelab 3. Penyertaan dalam pasukan pakaian seragam 4. Lain-lain kegiatan sebagaimana ditentukan oleh Menteri Pendidikan.

Pelaksanaan kokurikulum tersebut tidak terhad hanya di peringkat menengah sahaja, namun ianya berkesinambungan sehingga ke peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) khususnya melalui penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) (KPT 2016) Justeru itu, politeknik sebagai sebahagian daripada IPT terpacnggil untuk menawarkan kursus-kursus kokurikulum bercredit Pengakap Kelanasiswa dan pencapaian Anugerah Baden-Powell. Proses kearah penawaran kursus ini telah melalui beberapa fasa yang melibatkan banyak komitmen dan hubungan kerjasama dengan banyak pihak. Diharapkan kertas kerja ini dapat membantu usaha murni ke arah memperkukuh dan memperkasa pelaksanaan kursus ini. Dalam merealisasikannya, pengkaji mendapati terdapat kekurangan maklumat dan rujukan, penulisan dan penerbitan berkaitan pelaksanaan kokurikulum bercredit Pengakap Kelanasiswa dan BPA di politeknik. Situasi ini mendorong pengkaji mengenengahkan dalam bentuk penulisan usaha-usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan sehingga akhirnya program ini berjaya ditawarkan di politeknik KPM.

4.0 METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen dimana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding, tesis dan minit mesyuarat.

5.0 LATAR BELAKANG PENAWARAN KOKURIKULUM BERKREDIT DI POLITEKNIK

Kepentingan kokurikulum tidak dapat disangkal lagi. Komponen ini menjadi tunjang ke arah melahirkan pelajar yang sihat mental dan fizikal, aktif serta berdisiplin. Kokurikulum juga merupakan wadah terbaik membugarkan 7 teras PSPTN terutamanya Teras ke 4 iaitu memperkasa institusi dengan menggalakkan penyertaan pelajar dalam sukan dan kokurikulum serta penyertaan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan. (KPTM 2007)

Proses penyerapan nilai-nilai yang tersebut di atas banyak disumbangkan melalui aktiviti kokurikulum yang dijalankan seiringan dengan gesaan dan penerapan nilai-nilai sosial dan kemasyarakatan yang



unggul. Kursus kokurikulum di UA dan US dilaksanakan secara menyeluruh kepada mahasiswa bagi membina jati diri dan memupuk semangat patriotisme disamping membugarkan Kemahiran Insaniah (KI)

Sejajar dengan dasar membudayakan kesukarelawanan dan melahirkan pelajar yang holistik dari kalangan mahasiswa yang bergraduat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (KPM 2015) amat komited menjadikan kokurikulum Pengakap Kelanasiswa (KLKM) sebagai kokurikulum tumpuan di IPT seluruh Malaysia. Ia bertujuan bagi melahirkan mahasiswa yang holistik dari sudut keilmuannya dan pembangunan sakhshiah diri.

Kursus-kursus kokurikulum yang dijalankan di institusi dapat dijadikan landasan bagi para pelajar untuk mengembangkan minat dan bakat mereka yang dibatasi dalam kurikulum khusus pengajian mereka ikuti (Canham & Bennett 2002; Mahoney et al. 2003; Badusah et al. 2009). Kepelbagaian aktiviti yang dianjurkan atau pengendalian projek oleh para pelajar secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada mereka tentang realiti dunia sebenar, tatarcara melaksanakan kerja dan cabaran yang menanti. Proses yang dilalui oleh para pelajar ini dapat membantu mereka membina personaliti yang baik (Selamat et al. 2010) serta mampu menguasai kemahiran insaniah (Selamat et al. 2011).

Pelaksanaan aktiviti kokurikulum menurut Jamalis & Fauzee (2007) kegiatan kokurikulum akan memberi peluang kepada para pelajar untuk menjadi lebih giat dan cerdas. Tambah Norashikin (2010) ianya bertujuan untuk membentuk sahsiah dan kerjaya. Aktiviti dan kegiatan kokurikulum yang dijalankan akan dapat melahirkan insan yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) serta daya kepimpinan yang tinggi. Justeru, aktiviti kokurikulum yang diikuti oleh pelajar dapat melahirkan individu yang ceria, cergas, cerdas dan cemerlang sakhshiah dirinya.

Penawaran kokurikulum Pengakap Kelanasiswa sebagai kursus kokurikulum ber kredit di kebanyakan IPT terutamanya di politeknik mengangkat kokurikulum Pengakap KLKM sebagai sebahagian daripada elemen penting penentu kejayaan mahasiswa di IPT. Kokurikulum ber kredit Pengakap KLKM telah berjaya melahirkan barisan kepimpinan dari kalangan mahasiswa yang mempunyai semangat kesukarelawan tinggi, semangat kerja sepasukan, jati diri yang kukuh serta sendiri yang amat terampil di kalangan warga mahasiswa keseluruhannya. Pengakap KLKM merupakan cabang kemahiran insaniah beruniform yang telah diimplimentasikan di institusi-institusi di bawah Sektor Pendidikan Tinggi (SPT), KPM, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), KPM, Institut Kemahiran Tinggi Mara (IKTM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Kolej Universiti (KU). (Yusak 2013, 2017, Yusak & Johari 2018)

JPPKK KPM melalui Bahagian Kurikulum (BK) telah mendapat kelulusan dan mandat untuk melaksanakan kokurikulum ber kredit Pengakap Kelanasiswa bermula sesi Jun 2014. (Yusak 2013) Kurikulum yang dibangunkan telah diwajibkan selari dengan Skim Lencana Pengakap Kelana yang telah diluluskan Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) dan digunapakai di seluruh negara. Pemakaian Skim Lencana Pengakap Kelana tersebut adalah seragam kepada kumpulan Pengakap Kelana yang berumur di antara 18 hingga 26 tahun. Sehingga kini sebanyak 13 buah politeknik telah menawarkan kokurikulum ber kredit Pengakap KLKM.

5.1 KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT DI POLITEKNIK

Kokurikulum ber kredit ini telah mula diwajibkan kepada semua politeknik mulai sesi Disember 2014. Matlamat utama aktiviti kokurikulum adalah bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. Ianya dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, melalui 10 lonjakan utama bagi mentransformasikan sistem pendidikan negara. Lonjakan 1 iaitu melahirkan graduan yang holistik dan seimbang, iaitu graduan yang mempunyai ilmu dan akhlak yang mewujudkan sifat-sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal yang membantu perkembangan peribadi serta mempunyai



keupayaan untuk menyumbang sebagai warganegara yang aktif kepada masyarakat nasional dan global. (KPM 2015)

Menurut Yusni Mohamad Yusak, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) JPP objektif utama kursus kokurikulum di politeknik adalah untuk membangunkan bakat dan potensi pelajar dalam bidang kemahiran profesional khususnya dalam bidang sukan, kelab/persatuan dan badan beruniform. (Yusak 2013) Ia juga bagi membentuk dan membangunkan jatidiri pelajar yang mempunyai nilai patriotisme yang unggul, nilai ketahanan diri, berkeperibadian serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Serta menjadi wadah untuk mengasah bakat dan potensi pelajar melalui kegiatan yang sihat khususnya dalam bidang sukan, kelab dan badan beruniform.

Tambahnya lagi kokurikulum berkredit di politeknik mempunyai matlamat yang khusus (Yusak 2014) iaitu:

1. Melahirkan pelajar yang aktif, kreatif dan berinovasi serta berfikiran terbuka.
2. Meningkatkan penguasaan pengetahuan dalam kemahiran Kursus Kokurikulum secara holistik untuk mengukuhkan kemahiran insaniah.
3. Mengamalkan gaya hidup sihat dan etika bersosial tanpa prejudis kaum dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat.
4. Memperkukuhkan semangat dan daya potensi dalam menghadapi cabaran global.
5. Melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri dan sahsiah kepimpinan.
6. Membantu pihak institusi melahirkan pelajar yang berketrampilan seimbang dan harmoni dalam aspek-aspek rohani, keintelektualan, emosi, sosial dan fizikal.

Kegiatan kokurikulum berkredit adalah aktiviti dan kegiatan yang boleh dijalankan sama ada di dalam bilik kuliah atau di luar bilik kuliah. Ianya dapat memberikan banyak faedah serta pengalaman yang positif dan bermanfaat kepada para pelajar (Kusin & Esa 2014). Justeru itu, semua pelajar digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum supaya pelajar berdaya saing, berketrampilan, kreatif dan inovatif dapat dihasilkan.

Kegiatan kokurikulum di IPT juga memberikan fokus kepada perkembangan psikomotor yang afektif dan secara holistik melalui aktiviti-aktiviti sukan, kelab / persatuan serta dapat menjalinkan hubungan sosial sihat dan positif. Melalui aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan kokurikulum juga ia melatih individu agar mempunyai ketrampilan diri, sikap kepimpinan, bekerjasama dan berkeperibadian sebagai individu yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

5.2 ANUGERAH BADEN POWELL

Anugerah Baden-Powell Scout (BPSA), atau Anugerah BP (BPA) merupakan anugerah kepengakapan tertinggi yang boleh dicapai oleh Pengakap Kelana dalam Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). Pencapaian tertinggi ini juga akan dianugerahkan kepada para Kelana (Rovers) yang telah memenuhi kriteria dan syarat penganugerahan di *National Scout Organisation (NSO)* seperti Australia, Brazil, Guatemala, Hong Kong, Singapura, Afrika Selatan, New Zealand, Amerika Syarikat dan United Kingdom. (Wikipedia 2019; BPA 2019)

Anugerah BPA dinamakan sempena nama Lord Baden Powell yang merupakan pengasas Pergerakan Pengakap (*Scout Movement*) Ia dinamakan demikian dengan harapan para penerima anugerah BPA dapat memikul tanggungjawab dan mendukung cita-cita pengasasnya dalam fikiran mereka, kata-kata dan perbuatan mereka. (SSA 2013)



Penganugerah BPA kepada para Kelana di Malaysia akan dilaksanakan apabila seseorang Kelana telah memenuhi dan mencapai syarat-syarat lencana-lencana Pengakap Kelana. Kelayakan penganugerahan BPA adalah apabila seorang kelana berjaya dengan jayanya memenuhi keperluan penganugerahan 3 lencana wajib iaitu Lencana Kemahiran, Lencana Perkhidmatan dan Lencana Pengembaraan serta satu lencana pilihan. Mereka juga dikehendaki lulus Ujian Penilaian Anugerah Baden-Powell dengan jayanya sebelum dianugerahkan Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Kelana Anugerah Baden-Powell dan pemakaian Epolet B-P Award. (PPMb 2009, PPMc 2010, PPMd 2010)

5.3 KOKURIKULUM PENGAKAP KELANASISWA KE ARAH BPA

Penawaran komponen unit beruniform adalah mengambil kira aspek penerusan dan kesinambungan unit beruniform berkenaan diperingkat nasional. Kurikulum kokurikulum berkredit unit beruniform yang ditawarkan di IPT adalah seperti Pengakap KLKM.

Pelaksanaan kokurikulum berkredit ini akan melalui proses penilaian dan jaminan kualiti yang dipantau sepenuhnya oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) sebagai badan penilai. MQA melalui Buku Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) 2.0 menggariskan kokurikulum di bawah komponen U4 dan wajib diikuti mahaiswa sebagai syarat bergraduasi. (KPT 2016)

Menurut Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Yusni Mohamad Yusak (2013) satu Pelan Transformasi Kokurikulum Politeknik telah dicadangkan. Pelan Transformasi ini mencadangkan penawaran kokurikulum baharu untuk dilaksanakan dalam 4 semester iaitu bermula dari Semester 1 sehingga Semester 4. Perincian pelaksanaan kokurikulum adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Penawaran kokurikulum berkredit Pengakap KLKM mengikut Semester dan pemberat dalam jam pertemuan.

TAHAP	LALUAN	BILANGAN KURSUS DAN KREDIT					
		S1	S2	S3	S4	S5	S6
Diploma	L1	Asas UB	URS	URK			LI
		(40 jam)	(40 jam)	(40 jam)			
	L2	KLKM1	KLKM2	KLKM3	KLKM4		
		(40 jam)	(40 jam)	(40 jam)	(40 jam)		
Skim Lencana Pengakap Kelana		Keahlian Kemahiran1	Kemahiran 2 Perkhidmatan	Pengembaraan (Pilihan)	BPA		

Kursus kokurikulum berkredit Pengakap Kelanasiswa di Politeknik ditawarkan dalam 2 Semester Wajib dan 2 Semester pilihan. Ia mempunyai pemberat sebanyak 2 kredit (1 kredit = 40 jam pertemuan) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

Pelajar yang mengambil kursus ini akan mengikuti sesi kuliah dan praktikal selama 80 jam dalam 2 semester menggunakan kurikulum yang telah diijarkan dengan Skim Pengakap Kelana PPM. Pelajar akan dinilai dan dipantau kehadiran mereka setiap sesi pengkuliahan. Seterusnya akan dinilai dengan diberikan greeding tertentu mengikut sistem penilaian politeknik.

Para pelajar adalah digalakkan mengikuti latihan secara berterusan sepanjang 4 semester bagi memenuhi keperluan Skim Lencana Pengakap Kelana iaitu Lencana Keahlian, 3 lencana wajib (Lencana Kemahiran, Lencana Perkhidmatan dan Lencana Pengembaraan) dan 1 lencana pilihan (Kepimpinan / Keusahawanan / Penyelamat Nyawa / Aktiviti Ekstrem atau ICT). (PPMb 2009, PPMc 2010, PPMd 2010) Pada Semester



4 para pelajar dipersiapkan dengan ilmu kepengakapan bagi memenuhi keperluan mengikuti ujian bagi memperoleh Anugerah Baden Powell (BPA). Para pelajar yang telah dianugerahkan dengan BPA akan berkhidmat di institusi mereka dengan melatih Kelana Junior yang menjadi sebahagian daripada persiapan menjadi Pemimpin Pasukan pada masa hadapan.

Sehingga tahun 2018 sejumlah 160 orang Kelana di IPT yang mengikuti kokurikulum ber kredit Pengakap Kelanasiswa telah dianugerahkan Anugerah Baden-Powell. Pelaksanaan kokurikulum ber kredit Pengakap Kelanasiswa di Politeknik pula telah berjaya melahirkan 50 penerima Anugerah Baden-Powell seperti Jadual 2 di bawah :

Jadual 2 : Bilangan Kelana yang mengikuti kokurikulum ber kredit dan dianugerahkan Anugerah Baden Powell 2015-2018

Bil	Tahun	Institusi	Penerima	Institusi	Penerima	Jumlah
1.	2015	UA/US	17	Politeknik	12	29
2.	2016	UA/US	36	Politeknik	24	60
3.	2017	UA/US	49	Politeknik	06	55
4.	2018	UA/US	08	Politeknik	08	16

Walaupun pola penerima BPA dari kalangan Kelanasiswa Politeknik tidak menentu jumlahnya saban tahun, namun begitu jumlah tersebut berjaya mengangkat nama Politeknik Malaysia setanding dengan institusi awam dan swasta lainnya dalam melahirkan calon-calon BPA yang berjaya. Disamping itu juga, kejayaan tersebut dapat dijadikan penanda aras pencapaian anugerah antarabangsa oleh pelajar terlibat.

Sesungguhnya pelaksanaan aktiviti-aktiviti kokurikulum memberikan impak yang positif kepada pembangunan diri setiap individu. Antara impak yang akan diperolehi daripada penglibatan pelajar dalam aktiviti KLKM adalah seperti berikut:

1. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan adalah secara berpasukan dan ini akan mewujudkan rasa persefahaman dan pengukuhan jati diri dalam individu.
2. Aktiviti yang terancang akan memberi impak kepada pengurusan diri yang positif, kesihatan diri dari segi fizikal dan rohani.
3. Aktiviti yang dilaksanakan secara berpasukan akan memberi impak toleransi dan ikatan perpaduan.
4. Melahirkan modal insan yang berketrampilan selaras dengan transformasi pendidikan Negara. (Yusak 2013, 2017, Yusak & Johari 2018)

6.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan kokurikulum ber kredit Pengakap Kelanasiswa di politeknik memberikan impak yang positif terutamanya dalam pembentukan sahsiah diri dan membugarkan kemahiran insaniah. Penglibatan pelajar sebagai seorang ahli kelanasiswa yang aktif akan melayakkan mereka dianugerahkan Anugerah Baden-Powell iaitu pengiktirafan tertinggi bagi mengiktiraf ilmu kepengakapan mereka di peringkat kelana yang setanding pengiktirafan antarabangsa. Justeru, peluang dan ruang yang disediakan hendaklah disambut dengan sebaiknya bagi melahirkan warga pelajar yang berketerampilan, berkeyakinan serta mempunyai nilai tambah melalui aktiviti kokurikulum kelanasiswa sesuai dengan moto Pengakap; “*Sekali Berpengakap, Selamanya Berpengakap*”.



RUJUKAN

- Badusah, J, Awang Hashim, R. Konting, M. M., Suandi, T, Salih, M & Yusof, N. 2009. *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- B-P Service Association (BPSA). *Rover Handbook*. 2019. US: B-P Service Association. Dicapai pada 12 September 2019. <http://bpsa-us.org>.
- BP Service Association (BPSA). *Traditional Scouting in Canada*. 2019. Canada: BP Service Association. Dicapai pada 12 September 2019. <http://bpsa-canada.org>.
- Canham, J. & Bennett, J. 2002. *Mentorship in community nursing: challenges and opportunities*. United Kingdom: Blackwell Science.
- Jamalis, M & Fauzee, M. S. O. 2007. *Developing Human Value Through Extra Curricular Activities*. The Journal of Human Resource and Adult Learning Vol. 3, Num. 1, July 2007.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2015. *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi)*, Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). 2007. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Peletakan Asas Melangkaui 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). 2016. *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)*. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Kevin Y. L. T. 2004. *Scouting for Boys (Singapore-Malaysia Edition)*. Singapore: Brownsea.
- Kusin. S. A., Esa, A. 2014. *Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Aktiviti Perkhemahan Dalam Kalangan Ahli Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM)*, Johor : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Mahoney, J. L., Cairns, B. D. & Farmer, T. W. 2003. *Promoting interpersonal competence and educational success through extracurricular activity participation*. *Journal of Educational Psychology*. 95(2): 409-418.
- Norashikin, S. 2010. *Kepentingan Aktiviti Kokurikulum*. Dicapai pada September 12, 2019, <http://cikguikin70.blogspot.com/2010/01/pendidikan-2kepentingan-aktiviti.html>
- Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). 1991. *Pengenalan Kepengakapan*. Kuala Lumpur: Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Persekutuan Pengakap Malaysia, 2009. *Buku Panduan dan Skim Latihan Pengakap Kelana*. Kuala Lumpur: Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM), 2010. *Skim Lencana Pengakap Kelana*. Kuala Lumpur: Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM). 2010. *Skim Latihan Pengakap Kelana Udara* Kuala Lumpur: Persekutuan Pengakap Malaysia.
- Selamat, J., Ismail, K. & Ahmad, S. 2010. *Mengurus Persatuan : Proses dan Kemahiran*, Bangi: Penerbit UKM.



- Selamat, J., Ismail, K., Aiyub, K., Arifin, K., Mohamad, L. Z., Rajikan, R., Awang, A., Abd Rahim, M. H. & Derahim, N. 2011. *Penilaian Aktiviti Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran di UKM*, Jurnal Personalia Pelajar, Bil 14 : 101 – 116.
- The Singapore Scout Association. 2013. *Baden Powell Award*. Dicapai pada September 12, 2019. <http://scout.sg/baden-powell-award>.
- Wikipedia. 2019. *Baden Powell Award* Dicapai pada September 12, 2019. https://en.wikipedia.org/wiki/Baden-Powell_Award.
- Yusak, M. Y. 2013. *Kertas KERJA KK01/1K/2013 - Memohon Kelulusan Pelaksanaan Kurikulum Kokurikulum bagi program pengajian di Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia*, Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Dan Latihan Kerjaya (BPKLK), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Yusak, M. Y. 2017. *Kertas Kerja Pelaksanaan Kokurikulum Berkredit Pengakap Kelanasiswa (KLKM) Dan Penganugerahan Anugerah Baden Powell (BPA) Di Institusi Pendidikan Tinggi*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik.
- Yusak, M. Y., Johari. M. H. F. 2018, *Kertas Cadangan Penubuhan Kelab Pengakap Kelanasiswa, Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) Di Universiti Kebangsaan Malaysia (KLKM UKM)*, Kementerian Pendidikan Tinggi, Bangi.